

PERSEPSI PELATIH - PELATIH LELAKI SEKOLAH HENRY GURNEY, TELOK MAS MELAKA TERHADAP PROGRAM LATIHAN KEMAHIRAN VOKASIONAL YANG DIJALANKAN

Muhammad Rashid Bin Rajuddin & Dayana Farzeeha Binti Ali
Fakulti Pendidikan,
Universiti Teknologi Malaysia

ABSTRAK: Kajian deskriptif ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti faktor- faktor yang mempengaruhi persepsi pelatih- pelatih Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka terhadap latihan kemahiran vokasional yang dijalankan. Faktor- faktor yang dikaji ialah faktor minat, kesedaran terhadap kepentingan latihan kemahiran vokasional dalam menentukan masa depan pelatih, keyakinan pelatih terhadap latihan kemahiran vokasional untuk diaplikasikan dalam kerjaya serta suasana pembelajaran seperti kemudahan peralatan, kaedah pembelajaran dan tenaga pengajar. Sampel kajian terdiri daripada 116 orang pelatih lelaki di Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka. Set soal selidik telah digunakan sebagai instrumen kajian ini. Nilai kebolehpercayaan item soal selidik adalah $\alpha = 0.85$. Hasil kajian ini dianalisis menggunakan perisian *Statistical Package For Social Science (SPSS)* versi 12.0 untuk mendapatkan kekerapan, peratusan dan min. Hasil dapatan kajian menunjukkan faktor minat (min = 4.05), faktor kesedaran terhadap kepentingan latihan kemahiran vokasional dalam menentukan masa depan pelatih (min = 4.06), faktor keyakinan pelatih terhadap latihan kemahiran vokasional untuk diaplikasikan dalam kerjaya (min = 4.06) serta pembelajaran seperti kemudahan peralatan, kaedah pembelajaran dan tenaga pengajar (min = 4.23) kesemuanya berada pada tahap tinggi. Beberapa cadangan dikemukakan bagi memungkinkan kajian lanjutan dilakukan.

ABSTRACT: This descriptive study was carried out with purpose to determine the factors that influence the perception of the male trainees at Henry Gurney School, Malacca based on the vocational skill training provided. The factors studied were the trainees' interest, their awareness on the importance of the vocational skill training in determine their future, their confidence in the training that will be applied in their career and last but not least, the learning environment factor such as the equipment facilities, the learning method and the instructors. The respondents for this study consisted of 116 male trainees from Henry Gurney School, Malacca. A set of questionnaire was used as the research instrument. The reliability value for the questionnaire items was $\alpha = 0.85$. The result of this study was analyzed using the Statistical Packages for Social Science (SPSS) version 12.0 software to obtain the frequency, percentage and mean. Outcome of this study showed that the interest factor (mean = 4.05), the awareness factor (mean = 4.06), the confidence factor (mean = 4.06), and the learning environment factor (mean = 4.23), were all at high level. Several suggestions were forwarded so that further studies can be carried out.

Kata kunci: Vokasional, *Statistical Package For Social Science (SPSS)*, Sekolah Henry Gurney

PENGENALAN

Terdapat beberapa faktor yang menjadi penyumbang kepada berlakunya keruntuhan akhlak di kalangan remaja seperti faktor individu iaitu aspek harga diri, personaliti, kepercayaan agama, keruntuhan institusi keluarga, faktor rakan sebaya dan faktor persekitaran. Remaja adalah satu kumpulan individu yang kompleks. Personaliti remaja adalah suatu yang bersifat berkembang. Justeru, pendekatan digunakan untuk mengatasi masalah sosial yang dihadapi remaja mestilah bersifat bersepadu dan berkesinambungan (Berita Harian, 4 Ogos 2004). Oleh itu, kerajaan telah mengambil inisiatif dengan menggubal akta berkaitan Sistem Pengadilan Juvana yang kini dikenali sebagai Akta Kanak-kanak 2001. Penumpuan

matlamat keadilan juvana menumpukan kepada aspek kanakkanak itu sendiri terutama untuk mendapat hak dan keadilan yang sewajarnya (Berita harian, 20 Februari 2004).

Pernyataan Masalah

Kerajaan telah mengambil langkah yang bijak dalam menangani masalah pesalah juvana di negara ini dengan mewujudkan institusi- institusi pemulihan akhlak. Di institusi pemulihan tersebut, pesalah juvana akan mengikuti segala program yang telah dirancang seperti program kerohanian, program riadah, program latihan kemahiran, kelas keagamaan dan kerohanian.

Institusi- institusi pemulihan akhlak di Malaysia menawarkan pelbagai program dari aspek akademik, kokurikulum serta latihan kemahiran vokasional. Program- program seperti ini memberi peluang kepada pelatih untuk mendapatkan ilmu serta kemahiran yang berkaitan untuk digunakan selepas tamat tempoh penahanan. Para pelatih diwajibkan mengikuti satu latihan kemahiran vokasional yang ditawarkan sepanjang berada di insituti pemulihan tersebut. Pelatih akan diberikan sijil pengiktirafan dalam bidang kemahiran yang diambil setelah tamat tempoh menjalani latihan yang telah ditetapkan. Pemberian sijil ini amat penting untuk pelatih kerana ia dapat membantu para pelatih mendapatkan peluang pekerjaan sekaligus dapat berdikari setelah keluar dari pusat pemulihan ini.

Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti persepsi pelatihpelatih di pusat pemulihan akhlak ini terhadap latihan kemahiran vokasional yang dijalankan di institusi tersebut. Selain itu, pengkaji ingin mengetahui sejauhmanakah minat pelatih terhadap latihan kemahiran yang dijalankan.

Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengetahui persepsi pelatih-pelatih terhadap latihan kemahiran vokasional yang dijalankan. Justeru itu, kajian ini menjurus secara spesifik untuk menjawab persoalan kajian berikut:

- i. Menenalpasti minat pelatih terhadap latihan kemahiran yang dijalankan.
- ii. Menenalpasti tahap kesedaran pelatih terhadap kepentingan latihan kemahiran vokasional yang dijalankan dalam menentukan masa depan mereka.
- iii. Menenalpasti tahap keyakinan pelatih terhadap latihan kemahiran vokasional yang dijalankan untuk diaplikasikan dalam kerjaya.
- iv. Menenalpasti faktor suasana pembelajaran seperti kemudahan peralatan, kaedah pembelajaran dan tenaga pengajar yang mempengaruhi persepsi pelatih terhadap latihan kemahiran yang dijalankan.

Skop Kajian

Skop kajian ini hanya tertumpu kepada program pemulihan akhlak yang dilaksanakan di Sekolah Henry Gurney, Telok Mas Melaka. Pelatih- pelatih yang terlibat adalah terdiri daripada semua pelatih lelaki yang berumur bawah 21 tahun mengikut peruntukan Akta Mahkamah Juvana 1947.

Oleh sebab pengukuran pembolehubah dibuat dengan menggunakan borang soal selidik maka pelatih yang dipilih untuk menjawabnya adalah dikalangan mereka yang tahu membaca dan menulis sahaja. Skop kajian ini juga hanya melibatkan semua pelatih (juvana) lelaki sebagai responden bagi menjawab soal selidik. Oleh itu, sebarang analisa yang didapati adalah berdasarkan kepada skop kajian ini sahaja.

Kepentingan Kajian

Persepsi pelatih terhadap latihan kemahiran vokasional yang dijalankan di sekolah ini akan diperolehi melalui dapatan kajian ini. Pandangan dan persepsi pelatih yang diperolehi bolehlah dijadikan sebagai rujukan oleh pihak sekolah dan tenaga pengajar bagi mempertingkatkan lagi kualiti penyampaian program yang dilaksanakan.

Rumusan dan cadangan yang dikemukakan diharapkan dapat membantu serta memberi manfaat yang berguna kepada semua pihak khususnya:

- i. Sebagai panduan kepada institut pemulihan akhlak supaya dapat mewujudkan satu set modul latihan vokasional yang sesuai dengan pelatih- pelatih di Sekolah Henry Gurney, Telok Mas Melaka.
- ii. Sebagai panduan kepada institut- institut latihan vokasional awam (ILVA) dan swasta (ILVS) yang terlibat dalam usaha menggubal, merancang dan membentuk program latihan vokasional terutamanya dari segi peningkatan kualiti penyampaian program yang dilaksanakan oleh kerajaan atau yang ditaja oleh sektor swasta untuk menjamin kesesuaian program latihan.
- iii. Sebagai panduan kepada pihak Sekolah Henry Gurney Telok Mas, Melaka untuk memperbaiki kemudahan peralatan yang disediakan untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran, kaedah pengajaran yang digunakan supaya dapat mewujudkan suasana pembelajaran yang dapat menarik minat pelatih ketika mengikuti latihan kemahiran vokasional yang dijalankan.

METODOLOGI

Sampel Kajian

Populasi ialah sekumpulan masyarakat yang mempunyai ciri yang sama. Melalui populasi bidang masalah yang perlu dikaji dapat ditentukan. Populasi merupakan serapan ke atas sekumpulan individu atau objek. Individu atau objek yang dicerap mestilah mempunyai sekurang-kurangnya satu ciri atau sifat yang sama antara satu dengan lain (Mohd Majid, 1993).

Sampel kajian adalah terdiri daripada pelatih- pelatih lelaki Sekolah Henry Gurney yang mengikuti latihan kemahiran vokasional yang dijalankan di sekolah tersebut. Jumlah keseluruhan populasi ialah seramai 116 orang. Jumlah sampel yang diambil adalah kesemua bilangan populasi.

Instrumen Kajian

Instrumen kajian yang digunakan merupakan satu set soal selidik. Kaedah ini dipilih berdasarkan kesesuaian kajian dan bertujuan mendapatkan maklumat yang tepat dan kukuh. Tuckman (1978) berpendapat instrumen berbentuk soal selidik dan temu bual merupakan dua cara yang paling berkesan bagi mendapatkan maklumat daripada responden selain daripada membuat pemerhatian terhadap tingkah laku mereka.

Menurut Mohd Majid (1993), soal selidik dapat meningkatkan ketepatan dan kebenaran gerak balas yang diberikan oleh sampel kerana ia tidak dipengaruhi oleh gerak laku penyelidik. Kenyataan beliau disokong oleh Mohd Najib (1999) yang menyatakan bahawa soal selidik dapat meningkatkan keputusan dan kebenaran gerak balas subjek terhadap rangsangan soalan yang diberi. Gerak balas atau jawapan yang diberikan oleh subjek tidak akan sesekali dipengaruhi oleh personaliti dan tingkahlaku penyelidik.

Penyelidik memilih untuk menggunakan set soal selidik disebabkan beberapa kelebihan seperti yang dinyatakan oleh Ee Ah Meng (1989) iaitu:

- i. Menjimatkan masa.
- ii. Tidak memerlukan kakitangan yang ramai untuk menguruskannya.
- iii. Maklumat boleh dikutip sekaligus dalam satu kumpulan yang ramai.
- iv. Soal selidik boleh digunakan semasa melakukan kajian rintis untuk menentukan sama ada responden dapat menjawab dengan mudah atau tidak.

Item-item dalam set soal selidik dibina berdasarkan rujukan dari kajian lepas oleh Azizi Yahya (2004), Rohana Johar (2001) dan Abd Halim (2000). Item-item tersebut juga terhasil daripada usaha penyelidik meneliti sorotan penulisan berkaitan dengan minat, tahap keyakinan, tahap kesedaran, dan faktor suasana pembelajaran terhadap program yang dijalankan. Set soal selidik ini mengandungi dua bahagian iaitu Bahagian A dan Bahagian B.

Bahagian A

Bahagian A mengandungi tujuh soalan berkaitan biodata responden iaitu umur, bangsa, tempat tinggal, pendidikan terakhir, bidang kemahiran yang sedang diikuti dan jangkamasa yang telah diikuti untuk latihan tersebut. Pilihan jawapan untuk soalan-soalan dalam bahagian ini direka bentuk menggunakan skala nominal iaitu responden dikehendaki mengisi ruang kosong dan menandakan (/) pada kotak yang disediakan.

Bahagian B

Bahagian B terdiri daripada 37 pernyataan yang akan menjawab persoalan kajian yang sedang dikaji oleh penyelidik

Jadual 1 Taburan Soalan Mengikut Setiap Persoalan Kajian


Bil	Persoalan Kajian	Item
1	Adakah terdapatnya minat yang tinggi di kalangan pelatih terhadap latihan kemahiran vokasional yang dijalankan?	1 – 10
2	Adakah pelatih menyedari kepentingan latihan kemahiran vokasional yang diajar dalam menentukan haluan masa depan?	11 – 19
3	Adakah pelatih yakin terhadap latihan kemahiran vokasional yang dijalankan untuk diaplikasikan dalam kerjaya?	20 – 26
4	Adakah faktor suasana pembelajaran seperti tenaga pengajar, kemudahan peralatan, kaedah pengajaran mempengaruhi persepsi pelatih terhadap latihan yang dijalankan?	27 – 37
	Jumlah	37

Pengukuran dan penilaian item dilakukan menggunakan skala likert bagi memudahkan responden membuat pilihan yang tepat terhadap setiap persoalan yang dikemukakan. Responden dikehendaki memilih salah satu daripada darjah pemeringkatan dalam pengukuran skala likert

Soal selidik dikemukakan kepada responden melalui tenaga pengajar sekolah Henry Gurney setelah mendapat kebenaran daripada Pengarah sekolah terbabit. Set soal selidik yang telah siap dijawab oleh responden dikumpulkan pada hari yang sama untuk mengelakkan berlakunya kehilangan.

Carta Alir Prosedur Kajian

Rajah 1 di bawah menunjukkan carta alir bagi prosedur kajian yang dijalankan bermula dari peringkat awal hingga akhir.



Rajah 1 Carta Alir Prosedur Kajian

Kajian Rintis

Kajian rintis dilakukan bertujuan memastikan ketepatan soal selidik dari sudut kefahaman responden yang merangkumi aspek tatabahasa, isi kandungan, kejelasan dan kebolehpercayaan selain untuk menganggar tempoh yang sesuai bagi mentadbir set soal selidik pada kajian sebenar. Menurut Mohd Najib (1999), kajian rintis dilakukan bagi menentukan kesahan serta kebolehpercayaan soalan soal selidik disamping menguji kefahaman responden terhadap item-item dalam soal selidik yang diberikan.

Sebelum soal selidik diedarkan kepada responden untuk dijawab, satu kajian rintis dijalankan untuk menyemak kesahan dan mendapatkan pekali indeks kebolehpercayaan item-item soalan yang telah dibina. Kajian rintis ini dijalankan ke atas 15 orang pelatih lelaki yang menjalani latihan kemahiran vokasional di

Asrama Akhlak Bukit Senyum, Johor. Kajian rintis dijalankan pada 20 Disember 2008 iaitu sebelum kajian sebenar dilakukan.

Hasil daripada kajian rintis yang dijalankan, set soal selidik dianalisis menggunakan perisian Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) versi 12.0 bagi mendapatkan nilai Alpha (Cronbach). Nilai Alpha (Cronbach) bagi kajian rintis yang dijalankan adalah 0.85 bagi semua 37 item yang diuji.

PERBINCANGAN

Analisis Data Persoalan Kajian

Maklum balas yang diberikan oleh responden dikategorikan kepada lima pilihan jawapan iaitu sangat setuju, setuju, tidak pasti, tidak setuju dan sangat tidak setuju. Keseluruhan item bagi setiap persoalan kajian pula akan dikategorikan semula kepada 3 kategori sahaja iaitu sangat setuju dan setuju sebagai setuju, tidak pasti dan sangat tidak setuju dan tidak setuju sebagai tidak setuju.

Penyelidik mengambil nilai kekerapan, peratusan dan min bagi setiap item persoalan kajian.

Analisis Persoalan Kajian 1

“Adakah terdapatnya minat yang tinggi oleh pelatih terhadap latihan kemahiran vokasional yang dijalankan?”

Persoalan kajian yang pertama adalah untuk mengetahui adakah terdapatnya minat yang tinggi oleh pelatih terhadap latihan kemahiran vokasional yang dijalankan. Berdasarkan analisis bagi persoalan kajian satu, item 9 menunjukkan nilai min yang paling tinggi iaitu 4.23 manakala item 3 menunjukkan nilai min yang paling rendah iaitu 3.46 dan ini diikuti oleh item 4 iaitu 3.88. Secara keseluruhannya, purata min bagi faktor minat adalah sebanyak 4.05 iaitu berada di tahap tinggi. Ini menunjukkan secara keseluruhannya, majoriti responden mempunyai minat yang tinggi terhadap latihan kemahiran vokasional yang dijalankan.

Analisis Persoalan Kajian 2

“Adakah terdapatnya kesedaran oleh pelatih terhadap kepentingan latihan kemahiran vokasional yang dijalankan dalam menentukan masa depan mereka?”

Persoalan kajian yang kedua adalah untuk mengetahui adakah terdapatnya kesedaran oleh pelatih terhadap kepentingan latihan kemahiran vokasional yang dijalankan dalam menentukan masa depan mereka. Persoalan kajian ini diwakili dengan 9 item.

Berdasarkan analisis bagi persoalan kajian dua, item 16 menunjukkan nilai min yang paling tinggi dan diikuti oleh item 17. Item 13 menunjukkan nilai min yang paling rendah. Secara keseluruhannya, purata min bagi faktor kesedaran adalah sebanyak 4.06 iaitu berada di tahap tinggi. Ini menunjukkan secara keseluruhannya majoriti responden mempunyai kesedaran terhadap kepentingan latihan kemahiran vokasional yang dijalankan dalam menentukan masa depan mereka.

RUMUSAN

Kewujudan program latihan kemahiran vokasional yang bersesuaian dengan pelatih juvana amat penting dalam memastikan matlamat program tercapai. Modul program latihan kemahiran yang ideal bukan sahaja sekadar membekalkan pelatih dengan pengetahuan dan kemahiran dalam melahirkan tenaga kerja mahir atau separuh mahir, malah ia juga diharapkan dapat membentuk mereka menjadi insan yang lebih sempurna dari segi pemikiran dan sikap mereka. Ini kerana, pelatih merupakan modal insan yang akan memberi sumbangan kepada pembangunan negara dalam mencapai wawasan 2020.

Kajian yang dijalankan ini mengambil kira empat faktor iaitu faktor minat, kesedaran, keyakinan dan faktor suasana pembelajaran yang mempengaruhi persepsi pelatih terhadap latihan kemahiran vokasional yang dijalankan. Item- item ini merupakan di antara faktor utama yang mempengaruhi keberkesanan program latihan yang dijalankan. Setiap faktor adalah penting dan sangat berguna dalam membantu kejayaan program yang dilaksanakan. Masalah- masalah yang terdapat di setiap faktor perlu ditangani segera untuk mewujudkan program latihan kemahiran vokasional yang lebih efektif seterusnya mewujudkan suasana pembelajaran yang kondusif kepada pelatih.

Akhir sekali kita seharusnya sentiasa menjalankan kajian- kajian yang lebih sistematik di bidang yang berkaitan bagi meningkatkan lagi mutu program kemahiran vokasional yang dijalankan di pusat- pusat pemulihan di Malaysia. Ini adalah demi mewujudkan satu sistem pengurusan dan penyelarasan yang seimbang dan efektif dalam latihan kemahiran vokasional yang ditawarkan seterusnya diiktiraf keberkesanannya sebagai sebuah institusi yang bukan sahaja menawarkan program pemulihan akhlak malah seimbang dari segi jasmani dan rohani.

RUJUKAN

- Abdul Fatah b. Abdul Malik (1992). *Pendidikan Vokasional Dan Masyarakat Kini*. Kuala Lumpur: Berita Harian, Disember 10.
- Abdul Halim b. Hashim. (2000). *Persepsi Pelatih- Pelatih Lelaki Di Sekolah Tunas Bakti Sg. Besi Terhadap Program Latihan Kemahiran Vokasional*. Universiti Teknologi Malaysia: Tesis Sarjana. Tidak Diterbitkan.
- Abdul Latif Abdullah. (2001). *Pendidikan Islam Dan Pengaruhnya Di Malaysia*. Edisi Pertama. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Aliza Ali dan Dahlia Hj. Imran (1990). *Taman Seri Puteri Miri: Peranan Dan Usahanya Di Dalam Pemulihan Akhlak Wanita*. Institut Teknologi Mara Cawangan Sabah : Kertas Projek Diploma Pentadbiran Awam.
- Arbak Othman (1994). *Kamus Komprehensif Bahasa Melayu*. Shah Alam Penerbit Fajar bakti. . 155.
- Arbak Othman (2005). *Kamus Komprehensif Bahasa Melayu*. Shah Alam Penerbit Fajar bakti. . 171, 163.
- Ashmore. (1989). *Lifelong Entrepreneur Education Module*. Ohio.University of Ohio.
- Jabatan Penjara Malaysia (2008). *Statistik Juvana di Malaysia*. Kamsiah Muslim, Mardziyatul Kibtiah
- Zaibidin dan Noraini Mohd Zain (1988). *Program Pemulihan Akhlak Taman Seri Puteri Batu Gajah*. Institut Teknologi Mara Cawangan Perak : Kertas Projek Diploma Pentadbiran Awam.